



Anwar bersama Mohamed Jameel (dua dari kiri) mengadakan mesyuarat perniagaan dengan pengurus tertinggi dana kekayaan berdaulat UAE di Abu Dhabi, semalam. Turut kelihatan Tengku Zafrul dan Zambray. (Foto BERNAMA)

PM bertemu pemimpin syarikat dana kekayaan berdaulat UAE

Lawatan pertama Anwar ke luar negara sejak Malaysia pegang Pengerusi ASEAN

Daripada Najmuddin Najib
bhnews@bh.com.my
di Abu Dhabi,
Emiriah Arab
Bersatu (UAE)



Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengadakan pertemuan dengan pemimpin syarikat dana kekayaan berdaulat terbesar Emiriah Arab Bersatu (UAE) se-

bagai sebahagian lawatan tiga hari beliau ke Abu Dhabi.

Perdana Menteri yang tiba di UAE pada Ahad, memulakan programnya dengan bertemu Mohamed Jameel Al Ramahi, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat tenaga UAE, Abu Dhabi Future Energy Co PJSC (Masdar), anak syarikat Mubadala Investment Company milik kerajaan.

Anwar kemudian bertemu Pengarah Urusan Abu Pihak Berkuasa Pelaburan Abu Dhabi (ADIA), Sheikh Hameed bin Zayed Al Nahyan.

Ini diikuti pertemuan dengan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Mubadala, Khaldoon Al Mubarak.

Masdar pada 2023 memilih Citaglobal Bhd dan Cypark Resources Bhd untuk membantu menjayakan projek tenaga boleh diperbaharui besar-besaran sebagai sebahagian daripada pelaburan bernilai AS\$8 bilion (RM36.08 bilion) di Malaysia.

Pada tahun lalu Masdar dan Sarawak Energy menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk mengkaji kebolehlaksanaan pemasangan projek fotovoltaik solar terapung di empangan Murum, Belaga, dengan unjuran penjaan 1,000 megawatt (MW) tenaga elektrik.

Apabila siap, ia akan menjadi projek solar terapung terbesar di dunia, mengatasi projek solar terapung di China yang menjana 680 MW.

Mubadala Petroleum pula sudah berada di Malaysia sejak 2010 dan pengendali Blok SK 320 di luar pesisir Sarawak.

Pada 2022, ia memulakan pengeluaran gas pertamanya dari medan gas Pegaga.

Perkukuh hubungan 2 hala

Selepas mesyuarat itu, Anwar dijadual bertemu Naib Presiden UAE dan Perdana Menteri, Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, yang juga Pemerintah Dubai.

Pertemuan itu diadakan di Istana Za'abeel di Dubai, kira-kira 150 kilometer (km) dari Abu Dhabi.

Perbincangan dijangka menumpukan kepada usaha memperkukuh hubungan dua hala dan meneroka peluang dalam tenaga boleh diperbaharui, keselamatan makanan dan tenaga, kecerdasan buatan (AI) dan pusat data serta isu serantau dan global yang menjadi perhatian bersama.

Anwar berada di Abu Dhabi atas jemputan pemerintah Dubai.

Lawatan Anwar itu diiringi Menteri Dalam Negeri, Datuk Se-

ri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz serta Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambray Abd Kadir.

Ini menandakan lawatan pertama Perdana Menteri ke luar negara sejak Malaysia memegang jawatan Pengerusi ASEAN 2025 pada 1 Januari lalu.

Anwar juga dijadualkan bertemu dengan Presiden UAE dan Pemerintah Abu Dhabi, Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan.

Beliau juga akan menyertai 12 ketua negara dan kerajaan lain pada Abu Dhabi Sustainability Week (ADSW) 2025 yang antara lain, mengambil bahagian dalam sesi pleno dan menyertai dialog bertajuk **ASEAN Interconnected Future: Linking Energy, Trade & Prosperity**.

Perdana Menteri juga akan menyaksikan pemeteraian Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Malaysia-UAE (CEPA) dan menghadiri Majlis Anugerah Zayed Sustainability Prize.

Abu Dhabi ialah persinggahan pertama bagi lawatan empat negara Perdana Menteri sebelum ke United Kingdom, Belgium dan kemuncaknya, menyertai Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland.